

# Dr Mahathir seru / belia cebur diri dalam bidang perniagaan

Oleh Sahabuddin  
Abdullah

UM 23 AUG 1985

**K**UCHING 22 Ogos - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru rakyat negara ini, khususnya kaum belia menceburkan diri dalam bidang perniagaan secara besar-besaran.

Katanya, walaupun keuntungan dari bidang perniagaan secara besar-besaran agak lebih kecil dan terpaksa mengambil masa yang panjang, tetapi dari segi peratusnya, keuntungan dari bidang perniagaan cara ini adalah lebih tinggi dari perniagaan secara kecil-kecilan.

Berucap merasmikan Wisma Saberkas di sini, Perdana Menteri berkata, apa yang harus disedari oleh go-

longan tersebut adalah kemampuan melengkapkan diri dengan segala kemudahan dan pengalaman dari segi pengurusan moden.

Wisma Saberkas adalah milik Persatuan Belia Bersatu Sarawak (SABERKAS) setinggi 20 tingkat dan dibina di atas tapak seluas 3.5 ekar dengan belanja sebanyak \$70 juta.

Perdana Menteri berkata, pengurusan sesebuah perniagaan yang besar seperti Wisma Saberkas ini tidak semudah menguruskan sesebuah perniagaan kecil dan ia memerlukan masa yang panjang untuk mendapatkan keuntungan.

"Kalau tidak cekap pengurusan, keuntungan tidak

akan dicapai sebaliknya akan mengalami kerugian," katanya.

Bagi Perdana Menteri, apa yang mesti diutamakan dalam menguruskan perniagaan besar-besaran adalah kejujuran.

Perdana Menteri berkata, "apabila negara mendapat nikmat dari usaha kita, nikmat itu akan kembali kepada kita. Tidak ada gunanya kita dapat untung besar tetapi negara kucar-kacir yang mana usaha kita tidak boleh berkembang."

Untuk itu, katanya, golongan muda hendaklah menjadi daya penggerak kepada masyarakat umum supaya sanggup menerima hakikat pentingnya mengubah cara hidup mengikut peradaran zaman.

"Kalau kita masih ikut cara hidup lama, kita akan tertinggal nikmat pembangunan," katanya.

Oleh itu beliau mahukan golongan muda memberanikan diri dengan semangat untuk melawan segala rintangan yang menghalang kemajuan negara.

Terdinya Wisma Saberkas, katanya, adalah sebagai lambang kebangkitan semangat baru kaum belia Negeri Sarawak dalam menerima perubahan dan semangat itu seharusnya disebarkan kepada masyarakat umum yang masih mengikuti cara hidup lama.

"Saberkas seharusnya menggunakan daya usaha yang ada untuk menjelaskan kepada rakyat akan pentingnya menggunakan sumber kekayaan yang ada di peringkat yang maksimum," katanya.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, kaum belia hendaklah menerangkan kepada penduduk pedalaman di Sarawak betapa ruginya

amalan pertanian pindah kerana pokok-pokok besar yang ditebang dan dibakar itu sebenarnya dapat memberikan keuntungan yang besar.

Perbuatan itu, katanya, adalah sama dengan membakar ruang dan ini sudah tentu merugikan negara.

Sepatutnya, tambah beliau, tanah-tanah yang digunakan dan kehabisan kesuburan itu boleh dibaja untuk mengembalikan kesuburannya atau diusahakan untuk lain-lain kegiatan ekonomi.

"Amalan pertanian pindah menyebabkan kita tidak menggunakan sumber kekayaan yang ada pada kita dengan keuntungnan yang maksimum," katanya.

Turut berucap di majlis perasmian itu adalah Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud.